

Keusahawanan Digital Transformasi Perniagaan Kini

Perkembangan dan kemajuan teknologi digital telah banyak membawa perubahan dalam gaya hidup masyarakat dunia. Perubahan ini turut berlaku dalam bidang keusahawanan dengan teknologi digital menjadi komponen penting yang diterapkan dalam merangka dan membangunkan sesuatu model perniagaan. Keupayaan dalam mengadaptasikan penggunaan teknologi digital sangat penting kerana dapat memberikan kelebihan persaingan kepada usahawan khususnya perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS).

Seperti yang diketahui, kedudukan PMKS dalam industri agak rapuh dan mudah terjejas apabila berlaku sesuatu krisis. Contoh yang paling jelas ketika berlakunya penularan wabak COVID-19 dengan banyak syarikat dalam kalangan PMKS yang terpaksa menutup operasi atau gulung tikar kerana tidak mampu berhadapan dengan impak tekanan kos dan pelbagai kekangan lain. Oleh itu, tindakan mentransformasikan perniagaan yang bersifat tradisional kepada kaedah baharu berteraskan

teknologi digital mampu menjadi strategi untuk meningkatkan daya saing sekali gus menjadikan PMKS kalis ancaman persekitaran ekonomi yang kian mencabar.

Keusahawanan digital merujuk penciptaan suatu perusahaan baharu atau mentransformasikan perusahaan sedia ada dengan membangunkan teknologi digital atau menggunakan teknologi digital sedia ada. Keusahawanan digital merupakan satu daripada agenda kerajaan untuk memperkasakan usahawan PMKS yang menjadi tulang belakang pertumbuhan ekonomi negara. Jika diteliti, usaha ke arah pendigitalan di Malaysia telah bermula seawal tahun 1996 menerusi pelancaran Koridor Raya Multimedia (MSC). Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia atau MDEC (dahulunya dikenali sebagai Perbadanan Kemajuan Multimedia) juga telah ditubuhkan pada ketika itu. Peranan MDEC adalah untuk menasihati kerajaan mengenai pembangunan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) dan multimedia.

Beberapa kejayaan telah direkodkan antaranya termasuklah menarik pelaburan daripada

syarikat berasaskan TMK dari seluruh dunia untuk beroperasi di zon ekonomi khusus. Kewujudan Cyberjaya sebagai hub teknologi global dan bandar pintar yang kekal hingga kini juga merupakan satu daripada impak pelancaran MSC. Terkini, dengan kemunculan Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) yang bercirikan gabungan teknologi digital, inovasi dan ilmu telah menjadi pemangkin pertumbuhan ekonomi digital di Malaysia.

Ekonomi digital boleh diistilahkan sebagai aktiviti ekonomi dan sosial yang melibatkan pengeluaran dan penggunaan teknologi digital oleh individu, perniagaan dan kerajaan. Aspirasi negara untuk melonjakkan ekonomi digital selari dengan Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB 2030) yang bermatlamat untuk menyediakan pembangunan ekonomi yang adil dan saksama kepada semua lapisan masyarakat yang dijangka dapat dicapai menjelang tahun 2030. Meskipun ekonomi digital masih baharu, namun usaha ini menjanjikan peluang yang besar untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara berpendapatan tinggi.

Pertumbuhan ekonomi dunia kini semakin dipacu oleh pendigitalan. Saiz ekonomi digital global dianggarkan antara 4.5 peratus hingga 15.5 peratus (AS\$3.6 trilion hingga AS\$12.3 trilion) daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Dunia (*Digital Economy Report*, 2019). Sebuah akhbar tempatan pula melaporkan bahawa ekonomi digital Malaysia menyumbang sebanyak 18.5 peratus atau RM267.7 bilion kepada KDNK pada tahun 2018 dan terus meningkat kepada 19.1 peratus atau RM289 bilion kepada KDNK pada tahun 2019.

Ekonomi digital terus merekodkan sumbangan yang signifikan dengan menyumbang sebanyak 22.6 peratus kepada KDNK Negara pada tahun 2020. Menjelang tahun 2030, ekonomi

digital Malaysia dijangka mampu mencecah sehingga RM325 bilion (*Berita Harian*, 6 November 2023). Peningkatan ini sekali gus mencerminkan bahawa ekonomi digital mempunyai potensi yang sangat besar untuk diterokai oleh golongan usahawan, khususnya PMKS.

Perniagaan Berteraskan Teknologi Digital

Sebalik ancaman pandemik, ada hikmah yang tersembunyi. Tiada sesiapa yang menjangka bahawa kini semakin ramai usahawan dilihat mengubah kaedah berinteraksi dan berkomunikasi dengan pelanggan di pasaran. Usaha ini dilakukan bagi memastikan kelangsungan perusahaan atau perniagaan mereka. Pada masa ini, perniagaan dijalankan secara dalam talian atau secara maya menjadi suatu fenomena. Perkembangan ini dilihat sebagai sesuatu yang positif kerana membawa banyak kebaikan sama ada kepada usahawan mahupun pelanggan.

Menerusi perniagaan secara digital, usahawan tidak perlu lagi menyewa premis atau mempunyai kedai secara fizikal sekali gus dapat menjimatkan kos operasi. Memadai hanya dengan mempunyai kedai di alam maya yang boleh diwujudkan secara percuma melalui platform tertentu seperti Facebook, Blog, Instagram, TikTok atau laman web. Waktu operasi juga menjadi lebih fleksibel kerana dapat dijalankan pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja asalkan tempat atau kawasan tersebut mempunyai liputan internet. Selain itu, perniagaan secara digital juga dapat membina jaringan perhubungan yang luas secara global di samping proses komunikasi menjadi lebih pantas.

Bagi pengguna pula, mereka dapat menjimatkan masa dan kos kerana tidak perlu berkunjung ke premis secara fizikal semata-mata untuk melihat sesuatu produk atau perkhidmatan. Mereka boleh berbuat demikian hanya dengan melayari internet dan melihat halaman kedai yang terdapat secara dalam talian. Bayangkan banyak kedai boleh dilawati

dalam tempoh masa yang singkat. Perniagaan digital menjadi lebih efisien apabila dapat dipakejkan bersama-sama perkhidmatan lain seperti pembayaran dan penghantaran.

Penggunaan platform e-dagang seperti Shopee, Lazada, Alibaba dan Amazon yang menyediakan perkhidmatan lengkap yang meliputi aspek penjualan, pembayaran dan penghantaran sangat disukai dan mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pengguna kerana memudahkan proses pembelian.

Platform e-dagang juga mudah dan murah untuk dilaksanakan dan sangat sesuai untuk diaplikasikan oleh PMKS. Platform e-dagang telah merekodkan pertumbuhan ketara sebanyak 26.5 peratus dengan pendapatan perniagaan e-dagang melonjak 17.1 peratus bersamaan dengan RM279 bilion pada suku ketiga tahun 2021.

Menurut laporan *We Are Social Digital 2019*, Malaysia berada pada kedudukan ketiga di Asia Tenggara bagi penembusan e-dagang dalam kalangan individu dengan empat daripada 10 transaksi merupakan perbelanjaan rentas sempadan. Kadar penembusan yang tinggi bermakna bahawa pengguna di Malaysia dapat mengakses pelbagai pilihan serta mendapat nilai yang lebih baik.

Pewujudan Zon Perdagangan Bebas Digital pula berupaya mencipta peluang yang sangat luas kepada usahawan PKMS melebarkan sayap pemasaran sehingga ke peringkat global. Oleh itu, lebih ramai usahawan PMKS digesa agar segera membuat perubahan dengan menransformasikan perniagaan melalui pendigitalan supaya peluang yang terhasil daripada limpahan ekonomi digital dapat dinikmati oleh mereka.

Pengaruh Internet terhadap Perniagaan Digital

Penggunaan internet telah menjadi sebahagian daripada keperluan harian masyarakat dunia. Berdasarkan laporan *We Are Social Digital 2019*, jumlah pengguna internet di seluruh dunia telah

mencecah 4.5 bilion orang pada tahun 2020 berbanding dengan 3.4 bilion orang pada tahun 2016, peningkatan sebanyak 32.4 peratus dalam tempoh empat tahun.


Dalam satu laporan lain pula mengatakan bahawa pada masa ini, terdapat sebanyak 33.03 juta rakyat Malaysia menggunakan internet dengan pengguna tertinggi berada dalam lingkungan umur antara 25 tahun hingga 34 tahun yang mewakili 17.6 peratus daripada populasi rakyat Malaysia. Selain itu, sebanyak 80 peratus rakyat Malaysia yang berumur antara 16 tahun hingga 64 tahun dikatakan sudah biasa membeli-belah secara dalam talian (*Global Web Index*, 2022).

Statistik telah menunjukkan dengan jelas bahawa penggunaan internet mampu memberikan kesan positif yang berganda kepada perniagaan digital. Penggunaan internet dalam perniagaan bukan sahaja mampu menjimatkan kos, malah usahawan dapat mengembangkan potensi pelanggan. Terdapat pelbagai alternatif yang boleh digunakan untuk mempromosikan produk ataupun perkhidmatan yang ditawarkan di internet. Antara kaedah atau pendekatan yang boleh digunakan termasuklah forum, blog sosial, *microblogging*, *wikis*, fail media digital (podcast), gambar, video, penilaian undian pengguna dan juga social *bookmarking*.

Majoriti rakyat Malaysia pada masa ini juga dikatakan mempunyai telefon pintar atau tablet. Dengan memiliki peranti mudah alih tersebut, akses internet menjadi lebih mudah dan pantas. Bayangkan jika setiap pemilik peranti mudah alih mempunyai sekurang-kurangnya satu akaun media sosial, banyak potensi pelanggan yang boleh dicapai oleh usahawan sekiranya mereka menggunakan media sosial sebagai saluran pengiklanan atau pemasaran.

Hal ini demikian kerana kebanyakan pengguna pada masa ini pula mudah terpengaruh atau tertarik dengan apa-apa yang dilihat oleh mereka di media sosial. Apa-apa yang diperlukan

Jadual 1 Rangka Tindakan (Blueprint) Ekonomi Digital Malaysia.



ialah kreativiti usahawan dalam memuat naik kandungan bagi mempromosikan produk atau perkhidmatan yang ditawarkan. Kebanyakan usahawan yang terlibat dalam perniagaan seperti kosmetik, produk kesihatan, tudung dan pakaian berjaya meraih jualan yang memberangsangkan hanya dengan menggunakan platform media sosial sebagai saluran pemasaran.

Program Sokongan Usahawan Digital

Menurut Kajian Zhao Fang dan Collier Allan (2016) yang

dipetik menerusi artikel “*Digital Entrepreneurship: Research and Practice*” mengatakan bahawa keupayaan sesebuah negara dalam mengadaptasi keusahawanan digital bergantung pada tingkah laku keusahawanan digital, budaya dan strategi serta inovasi dalam ekosistem sokongan yang diterajui oleh pihak kerajaan, industri, perniagaan, institut pendidikan serta badan bukan kerajaan.

Secara umumnya, landskap ekonomi digital di Malaysia masih baharu dan memerlukan usaha agresif pihak kerajaan dalam membuat perubahan terutama

dari segi penembusan jalur lebar ke segenap pelosok tanah air supaya masyarakat luar bandar turut merasai manfaat yang disumbangkan oleh keusahawanan digital.

Kesungguhan kerajaan dalam merealisasikan agenda pendigitalan terserlah melalui pelancaran MyDIGITAL pada 19 Februari 2021 oleh YB Tan Sri Muhyiddin Md Yassin yang menjadi Perdana Menteri ketika itu. MyDIGITAL merupakan strategi kerajaan menggerakkan usaha bagi memperkasakan ekonomi digital. Strategi ini

dirangka untuk meningkatkan kualiti dan kesejahteraan hidup rakyat dengan memanfaatkan kemajuan teknologi, meningkatkan keupayaan di semua sektor serta mengoptimalkan penggunaan teknologi untuk pembangunan yang inklusif, bertanggungjawab dan mampan. Rangka Tindakan (Blueprint) Ekonomi Digital Malaysia merupakan dokumen yang menggariskan pelbagai inisiatif dan usaha bagi memacu pelaksanaan MyDIGITAL.

Sementara itu, Pelan Jalanan Digital Negara (JENDELA) merupakan satu daripada inisiatif yang telah dilaksanakan bermula pada tahun 2020. JENDELA melibatkan pelaksanaan projek telekomunikasi yang menyediakan liputan digital yang mampan, menyeluruh, berkualiti tinggi dan mampu milik kepada rakyat terutamanya kepada masyarakat di luar bandar. Kerajaan menyedari bahawa infrastruktur jalur lebar berkelajuan tinggi merupakan komponen penting untuk menyokong institusi perkhidmatan kerajaan. Oleh itu, infrastruktur gentian optik dibina berhampiran kawasan premis kerajaan, kawasan industri, pusat komersial dan kemudahan awam supaya rakyat dapat menikmati capaian jalur lebar dengan kelajuan yang lebih tinggi.

Menerusi inisiatif JENDELA, peningkatan kesalinghubungan dijangka mencapai hingga 96.9 peratus di kawasan berpenduduk selain dapat mengukuhkan infrastruktur telekomunikasi sebagai asas untuk pengenalan teknologi 5G dalam memacu pertumbuhan ekonomi digital negara.

Selain itu, Pusat Ekonomi Digital Keluarga (PEDI) yang dinaik taraf daripada Pusat Internet Komuniti (PIK) merupakan inisiatif ke arah melahirkan usahawan yang celik digital. PEDI menjadi pusat sehati yang bertanggungjawab menyediakan latihan serta membimbing usahawan terutama yang tinggal di kawasan luar bandar bagi memperkasakan kemahiran digital mereka. Usahawan yang berhasrat untuk meningkatkan tahap kemahiran



dan penguasaan teknologi digital dalam perniagaan juga boleh menyertai Program eUsahawan yang ditawarkan oleh Perbadanan Kemajuan Multimedia (MDEC).

Program eUsahawan menyediakan pelbagai latihan peningkatan kemahiran digital yang dilaksanakan secara dalam talian dan fizikal khusus kepada usahawan dan peniaga kecil. Selain MDEC, Institut Keusahawanan Negara (INSKEN), SME Corp. dan Institut Koperasi Malaysia (IKM) turut menyediakan program dan kursus yang berkaitan dengan keusahawanan digital bagi membantu meningkatkan kemahiran usahawan.

Dari segi sokongan kewangan, pihak kerajaan menerusi Belanjawan 2024 telah memperuntukkan sebanyak RM100 juta. Jumlah ini bagi menyediakan geran pendigitalan sehingga RM5,000.00 dan boleh dimanfaatkan oleh lebih daripada 20 ribu usahawan. Geran ini boleh digunakan untuk menaik taraf sistem jualan, inventori dan perakaunan digital. Kerajaan juga memperuntukkan sebanyak RM900 juta sebagai dana pinjaman di bawah Bank Negara Malaysia untuk menggalakkan PMKS meningkatkan produktiviti melalui automasi dan pendigitalan.

Selain itu, sebanyak RM40 juta disediakan bagi melaksanakan Program Shop Malaysia Online

yang bertujuan untuk menggalakkan peniaga kecil dalam bidang makanan untuk berniaga dari rumah. Peruntukan kepada PEDI sebanyak RM25 juta bagi menyokong PMKS memasarkan produk secara dalam talian turut disediakan menerusi Belanjawan 2024.

Perniagaan pada masa ini memerlukan perubahan yang berkesan dari segi kaedah dan strategi dalam mendekati dan menarik pelanggan. Perubahan ini selari dengan perkembangan ekonomi digital yang sedang dilalui oleh negara. Keusahawanan digital berupaya melonjak dan menyerlahkan potensi sesebuah perniagaan ke tahap yang lebih besar dan ke hadapan. Perniagaan tanpa modal dan pemasaran tanpa kos umpamanya merupakan antara kelebihan yang sering dikaitkan dengan keusahawanan digital.

Peluang dan ruang yang terbuka luas menerusi pelbagai inisiatif yang disediakan oleh pihak kerajaan seharusnya direbut oleh golongan usahawan bagi memperkasakan kemahiran dan keupayaan mereka dalam mengaplikasikan teknologi digital dalam perniagaan. Dengan berbuat demikian, manfaat kesejahteraan dan kenikmatan sosial dapat dinikmati bersama-sama secara menyeluruh oleh segenap lapisan masyarakat. 